

ARKIB : 21/08/2012

# Merungkai logik erti keberkatan

Oleh DR. MOHD NAHAR MOHD. ARSHAD

ma.nahar@iium.edu.my

PENULIS ialah Pensyarah Kanan

Pusat Ekonomi Islam dan Kajian Polisi

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

MENJELANG kemunculan Syawal, umat Islam berlumba-lumba melakukan amal jariah dalam mencari keredhaan Ilahi dan keberkatan dalam kehidupan.

Bersedekah dan mengeluarkan zakat merupakan anjuran utama Islam dalam membersihkan jiwa, harta dan seterusnya membawa keberkatan dalam hidup ini.

Istilah berkat mungkin tidak asing buat umat Islam, namun ia sesuatu yang janggal dalam teori mahupun praktikal ekonomi konvensional. Konsep berkat itu sukar dijamah logika akal dan tidak mudah dijelaskan secara matematik.

Soroti ayat 276 dari surah al-Baqarah ini: *Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan ia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa.*

Ayat di atas mencabar logika kerana ia menolak idea pengembangan harta dek riba dan penyusutan harta dek sedekah. Logik akal akan melihat bagaimana simpanan berserta kadar faedah (riba) akan mengganda dalam tempoh tertentu. Dengan rumus matematik, kesan gandaan riba boleh dijelaskan.

Namun, daripada ayat tersebut, Allah menjelaskan bahawa harta yang dijalankan dengan riba pasti akan susut! Dalam erti kata lain, tidak ada keberkatan dalam transaksi yang melibatkan riba.

Secara logik juga, apabila kita bersedekah, akal akan melihat berlakunya pengurangan dalam kekayaan kita. Dengan matematik juga perkara ini mudah dijelaskan.

Namun, kerap kali logik dan matematik tidak dapat menerobos kadar ketentuan dan aturan Ilahi. Menyorot kembali ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa harta yang disedekahkan dan dikeluarkan zakatnya akan digandakan!

Di mana logiknya di sini? Nah! Sukar dijelaskan dengan angka buat akal puas menerima. Yang pasti, iman buat kita teguh untuk mempercayai. Di sinilah letaknya keberkatan, di sinilah letaknya ketenangan.

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka peroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita." (al-Baqarah:277).

Kesimpulannya, marilah kita mencari keberkatan dalam hidup ini dengan melunaskan tuntutan syarak ke atas harta perolehan kita.

Selain memperbanyakkan sedekah, kewajiban zakat fitrah jangan kita abaikan. Turut jangan terlepas pandang ialah kewajiban untuk membayar zakat harta bagi mereka yang layak. Semoga bulan mulia ini membawa seribu satu keberkatan dalam kehidupan kita; amin. Selamat Hari Raya.